

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 4-2014

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 15 Mei 1985. Perayu mengimport dagangan *Fish Liver Oil* nama dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* jenama *NatureRich*. Mengikut Perayu dagangan *shark liver oil* adalah dagangan farmaseutikal yang kaya dengan *alkyglycerols* dan mengandungi Vitamin A dan D. *Alkyglycerols* adalah bahan aktif utama dalam *shark liver oil* dan digunakan untuk tujuan *therapeutic and prophylactic*.
2. Mengikut seksyen 10B Akta Kastam 1967, Ketua Pengarah Kastam (KPK) telah mengeluarkan ketetapan kastam bertarikh 18 Disember 2013 yang memutuskan kod tarif bagi dagangan *Fish Liver Oil* nama dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* jenama *NatureRich* adalah 1504.10 900. Ketetapan kastam itu telah diserahkan kepada Perayu melalui surat notifikasi bertulis Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertarikh 8 Januari 2014.
3. Perayu tidak berpuas hati dengan ketetapan kastam tersebut dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 24 Februari 2014. Dalam Notis Rayuan, Perayu memohon supaya kod tarif bagi dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* ditukar kepada 3004.50 000 atau 3004.90 990. Perayu juga mempertikaikan ketetapan kastam kerana JKDM telah mengesahkan dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* di bawah kod tarif 3004.50 000 sebanyak dua kali sebelum ini. Mengikut Perayu sepatutnya tiada perubahan kod tarif kerana setiap aspek *Ecomer Shark Liver Oil* masih lagi sama dan tiada perubahan mengenai peraturan dan kriteria yang berkaitan dengan penjenisan dagangan ini.
4. Notis Rayuan telah difailkan dengan kelewatan 48 hari.

ISU

1. Sama ada permohonan pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan boleh dibenarkan. Di bawah seksyen 143 Akta Kastam 1967, rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notifikasi bertulis keputusan KPK diterima oleh perayu.
2. Penentuan kod tarif yang betul bagi dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* iaitu sama ada sesuai dipenjeniskan di bawah kod tarif 1504.10 900 atau kod tarif 3004.50 000/3004.90 990.

(Merujuk kepada isu kedua, semasa pendengaran Perayu dan Responden telah merujuk kepada bahan rujukan berikut:

- i. Surat *Tariff and Trade Affairs Directorate, World Customs Organisation (WCO)* bertarikh 5 Jun 2014, menyatakan perkara yang perlu dipertimbangkan adalah sama ada dagangan ini yang dalam bentuk *measured dosage* mempunyai ciri-ciri *medicament* di bawah kepala 30.04.
- ii. Mengikut kamus Oxford, "*medicament*" didefinisikan sebagai "*medicinal substance*". "*Medicinal*" pula didefinisikan sebagai "*having healing properties; relating to medicines or drugs*".
- iii. Risalah dagangan menyatakan *Ecomer* merupakan dagangan untuk meningkatkan ketahanan badan untuk mencegah penyakit.
- iv. Dagangan ini telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai memenuhi definisi "produk ubat" dan "*traditionally used as a food supplement*".

- v. Mengikut *The Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984*, “*product*” bermaksud *a drug in a dosage unit or otherwise* termasuk kegunaan *for a medicinal purpose*.
- vi. Di bawah *Sale of Drugs Act 1952*, definisi “drug” di bawah seksyen 2 “*includes any substance, product or article for a medicinal purpose*”.
- vii. Mengikut *Drug Registration Guidance Document*, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, *health supplements* termasuk dalam kategori *medicinal products*.
- viii. Dalam nota keterangan *Harmonised System Explanatory Notes (HSEN)* bagi kepala 15.04 dinyatakan *cod liver and halibut liver and other fish liver yield oils are... chiefly used in medicine*.
- ix. Laporan Jabatan Kimia bertarikh 20 September 2014 mengesahkan dagangan berkenaan ada ciri-ciri *shark liver oil* dan seterusnya berpendapat dagangan tersebut sesuai dipenjeniskan di bawah kepala 2106.90 990.

Kesemua rujukan di atas dibuat untuk menjelaskan persoalan adakah dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* dalam bentuk *soft gel* dan *measured dosage* ini mempunyai ciri-ciri *medicament*)

KEPUTUSAN

1. Permohonan pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan dibenarkan kerana tiada bantahan oleh pihak Responden.

2. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, Tribunal mendapati dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* telah memenuhi kriteria di bawah kepala 30.04 seperti dinyatakan dalam risalah dagangan dan pengesahan sebagai “*medicinal product*” oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan. Dengan itu Tribunal memutuskan keputusan KPK dalam ketetapan kastam bertarikh 18 Disember 2013 diketepikan dan nombor kod tarif bagi dagangan *Ecomer Shark Liver Oil* jenama *NatureRich* diputuskan sebagai 3004.90 990.

3. Rayuan dibenarkan.

5 Februari 2015